

SULIT



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM  
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

**PERATURAN PEMARKAHAN  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SPM  
TAHUN 2021**

---

**TASAWWUR ISLAM  
PERCUBAAN SPM  
2021**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

## **BAHAGIAN A**

1.	Iman
2.	Hak milik
3.	Qadar
4.	Al-Ijarah/ sewa
5.	Roh
6.	Keturunan / nasab
7.	Bertamadhusn
8.	Keraguan
9.	R: Perlindungan nyawa/Kehormatan diri
10.	S: Kehormatan diri/Perlindungan nyawa
11.	Y: Khilafah
12.	Z: Khalifah
13.	X
14.	X
15.	✓
16.	✓
17.	Alaqah / ziqot/segumpal darah
18.	Mudqahah/ embrio/seketul daging
19.	Janin / fetus
20.	Bayi/ infant

## BAHAGIAN B

Soalan			Skima	Markah
1	(a)	(i)	<p><b>Definisi akidah ialah</b>            Keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaanNya berdasarkan dalil naqli dan akli.</p>	1 Isi X 1 huraian = [ 2 markah ]
		(ii)	<p><b>Cara saya menghindari diri dari gangguan syaitan ialah</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sentiasa melakukan amal ibadat seperti solat lima waktu.</li> <li>2. Sentiasa menuntut ilmu agama supaya dapat membezakan antara yang hak dengan batil.</li> <li>3. Berdoa kepada Allah SWT supaya diberi petunjuk ke arah kebenaran.</li> </ol> <p><b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b></p>	2 Isi x 2 Huraian = [ 4 markah ]
		(iii)	<p><b>Kepentingan menuntut ilmu ialah</b>            Untuk melahirkan masyarakat yang pakar/ dalam sesuatu bidang./ Dengan itu dapat mentadbir alam dengan sempurna mengikut ketetapan Allah / kesannya akan menaikkan imej umat Islam</p> <p><b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b></p>	1 Isi 1 Huraian 1 huraian lengkap 1 kesimpulan = [ 4 markah ]
	(b)	(i)	<p><b>Maksud pekerjaan menurut Islam ialah</b>            Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara halal.</p>	1 Isi X 1 huraian = [ 2 markah ]
		(ii)	<p><b>Dua cara perniagaan online selaras dengan kehendak syarak ialah</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perniagaan yang bersih dari unsur penipuan seperti menghantar barang kepada pelanggan sebagaimana yang ditawarkan dalam talian.</li> <li>2. Berniaga barang yang halal lagi suci seperti tiada unsur najis.</li> <li>3. Perniagaan yang bersih dari unsur perjudian seperti loteri atau pertaruhan sesuatu permainan.</li> </ol> <p><b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b></p>	2 Isi x 2 Huraian = [ 4 markah ]
		(iii)	<p><b>Dua sebab sistem ekonomi kapitalis bertentangan dengan Islam kerana</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sistem tersebut mengamalkan riba yang menyebabkan penganiayaan ketas para peminjam.</li> <li>2. Berlakunya ketidakadilan sosial seperti penindasan terhadap golongan yang lemah.</li> </ol> <p><b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b></p>	2 Isi x 2 Huraian = [ 4 markah ]

2	(a)	(i)	<p><b>Pengertian khalifah ialah</b></p> <p>Manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi selari dengan kehendak syarak.</p>	1 Isi X 1 huraian = [ 2 markah ]
		(ii)	<p><b>Dua tanggungjawab manusia kepada Allah SWT ialah</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berdoa kepada Allah SWT samaada ketika senang dan susah</li> <li>2. Bertawakkal kepada Allah SWT setelah berusaha bersungguh-sungguh</li> <li>3. Sentiasa berzikir untuk mengingati Allah SWT</li> </ol> <p><b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b></p>	2 Isi x 2 Huraian = [ 4 markah ]
		(iii)	<p><b>Maksud Budaya seks songsang serta hujjah ianya bertentangan dengan Islam</b></p> <p>Budaya seks songsang ialah perlakuan seks yang menyalahi tabiat semulajadi manusia / perlakuan seks sejenis / perlakuan seks luar nikah. (2 markah)</p> <p>Budaya tersebut menyalahi fitrah kejadian manusia / yang memerlukan pasangan hidup yang berlainan jantina / bagi melahirkan zuriat / Kesan daripada perbuatan tersebut akan memberi impak buruk kepada sistem kekeluargaan Islam. (4 markah)</p> <p><b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b></p>	1 Isi 1 Huraian  1 huraian lengkap 1 Huraian tambahan 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = [ 6 markah ]
	(b)	(i)	<p><b>Pengertian hudud ialah</b></p> <p>Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah SWT.</p> <p>(1 isi x 1 huraian, = 2m)</p> <p><b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b></p>	1 Isi X 1 huraian = [ 2 markah ]
		(ii)	<p><b>Cara pembuktian dalam pengendalian kes jenayah mengikut Islam ialah</b></p> <p>Melalui bahan atau alat tertentu yang berkaitan dengan kes/seperi senjata, cap jari, dna dan sebagainya / dengan itu pihak mahkamah akan mengetahui kejadian sebenar sesuatu kes./ Kesannya hukuman yang diberikan kepada pesalah akan adil berdasarkan bukti yang jelas.</p> <p><b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b></p> <p>(1 isi, 1 huraian, 1 huraian tambahan, 1 kesimpulan = 4m)</p>	1 Isi 1 Huraian 1 huraian lengkap 1 kesimpulan = [ 4 markah ]
		(iii)	<p><b>Dua sumber rujukan utama sistem kehakiman Islam</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Al-Quran</li> <li>2. Al-Hadis</li> </ol>	2 Isi X 1 markah = [ 2 markah ]
3	(a)	(i)	<p><b>Dua asas pergaulan menurut Islam</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saling mengenali / taaruf</li> </ol>	2 Isi X 1 markah = [ 2 markah ]

			<p>2. Saling memahami / tafahum 3. Saling bekerjasama / taawun</p>	
		(ii)	<p><b>Dua prinsip pergaulan yang perlu diamalkan untuk membentuk ummmah sejahtera ialah</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saling mengenali antara satu sama lain seperti sentiasa mengenali latar belakang seseorang</li> <li>2. Saling memahami dengan sentiasa berlapang dada menerima pendapat orang lain</li> <li>3. Saling bekerjasama dengan saling tolong menolong kearah kebaikan</li> </ol>	<p>2 Isi x 2 Huraian = [ 4 markah ]</p>
	(b)	(i)	<p><b>Maksud amanah ialah</b>  Melaksanakan tanggungjawab mengikut prosedur serta tidak mempunyai kepentingan diri</p>	<p>1 Isi X 2m = [ 2 markah ]</p>
		(ii)	<p><b>Cara sifat amanah dapat menghindarkan seseorang daripada mengutamakan kepentingan peribadi</b></p> <p>Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab / tanpa mengharapkan pujian / agar tugas dapat dilaksanakan dengan sempurna/ kesannya dia akan dihormati masyarakat kerana sifat amanahnya.</p> <p style="text-align: center;"><b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b></p>	<p>1 Isi 1 Huraian 1 huraian lengkap 1 kesimpulan / kesan = [ 4 markah ]</p>
	(c)	(i)	<p><b>Dua asas utama pentadbiran dan pengurusan di zaman Rasulullah SAW</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Islam sebagai dasar pentadbiran negara</li> <li>2. Syura sebagai salah satu kaedah dalam menguruskan pentadbiran</li> <li>3. Piagam Madinah sebagai perlembagaan negara</li> <li>4. Akidah Islamiah sebagai pegangan dalam urusan pentadbiran menggantikan semangat 'asabiyah</li> </ol>	<p>2 Isi x 2 Huraian = [ 4 markah ]</p>
		(ii)	<p><b>Dua etika tadbir urus dalam Islam</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjalankan tugas dengan penuh integriti/ tanggungjawab bukan untuk kepentingan peribadi</li> <li>2. Sentiasa efisien dan konsisten untuk menghasilkan kecemerlangan <b>dalam</b> setiap urusan yang dilaksanakan</li> <li>3. Membudayakan amar makruf nahi mungkar <b>agar</b> tugas mendapat keberkatan</li> <li>4. Membuat perancangan dan pemantauan yang sistematik <b>secara</b> berterusan</li> </ol> <p style="text-align: center;"><b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b></p>	<p>2 Isi x 2 Huraian = [ 4 markah ]</p>
4	(a)	(i)	<p><b>Maksud ibadah dalam ayat diatas</b>  Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata-mata kepada-Nya yang berlandaskan syariat Allah SWT.</p>	<p>[1 Isi X 2 m] [2 markah]</p>

	(ii)	<p><b>Dua konsep ibadah dalam Islam</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keikhlasan menjadi asas penerimaan ibadah di sisi Allah SWT</li> <li>2. Kewajipan menuruti perintah yang disyariatkan dan tidak mengada-ngadakan ibadah</li> <li>3. Tujuan hidup manusia adalah untuk beribadah kepada Allah SWT</li> <li>4. Ibadah melibatkan segala kegiatan manusia dari segi rohani dan jasmani</li> </ol>	(2 Isi x 2 Huraian = [ 4 markah ]
	(iii)	<p><b>Ibadah yang sering dilakukan serta kepentingan ikhlas dalam melakukan ibadah tersebut</b></p> <p>Ibadah yang sering saya lakukan ialah solat. (1 markah)        Kepentingan ikhlas dalam ibadah tersebut ialah kerana ikhlas merupakan syarat utama amalan diterima oleh Allah SWT / iaitu melaksanakannya semata-mata kerana Allah SWT/ tanpa mengharapkan balasan daripada makhluk / Hal ini akan menjadikan solat itu sah/ kesannya hidup diberkati oleh Allah SWT di dunia dan diakhirat.</p> <p style="text-align: center;"><b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b></p>	1 Isi  1 Huraian 1 huraian lengkap 1 Huraian tambahan 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = [ 6 markah ] (1,5)
	(b)	<p><b>Dua jenis muamalat yang boleh mereka guna untuk menyelesaikan masalah bagi meneruskan kehidupan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Al-Rahnu iaitu mendapatkan sejumlah wang sebagai hutang dengan menyerahkan harta sebagai cagaran dan boleh menebus semula harta tersebut dalam masa yang telah ditetapkan</li> <li>2. A-ljarah iaitu perjanjian yang membolehkan seseorang mengambil manfaat daripada milik orang lain dengan bayaran tertentu</li> </ol> <p style="text-align: center;"><b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b></p>	2 Isi x 2 Huraian = [ 4 markah ]
	(ii)	<p><b>Dua peranan bagi setiap institusi kewangan yang berikut :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Institusi Zakat <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Mengutip zakat daripada pembayar zakat</li> <li>b. Mengagihkan zakat secara efisien dan adil kepada asnaf zakat</li> </ul> </li> <li>ii. Tabung Haji <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menyediakan kemudahan menyimpan wang untuk menunaikan haji bagi para pendeposit</li> <li>b. Menjalankan aktiviti pelaburan bagi memberi nilai tambah kepada para pelanggannya</li> </ul> </li> <li>iii. Perbankan Islam <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menyediakan urusan perbankan Islam yang patuh syariah</li> <li>b. Mempromosikan produk-produk kewangan Islam</li> </ul> </li> </ol>	[ 3 Isi X 2 huraian = [ 6 markah ]

5	(a)	(i)	<b>Pengertian wahyu ialah</b>  Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat Jibril a.s atau secara terus daripada Allah SWT.	[1 Isi X 2 m] = [2 Markah]
		(ii)	<b>Dua peranan wahyu</b>  1. Membimbing akal dalam memelihara akidah daripada terpesong 2. Mempengaruhi akal untuk menghasilkan kemuliaan akhlak yang mulia 3. Sumber utama dalam kehidupan manusia 4. Memelihara akal supaya bertindak dan berfikir secara logic selari dengan tuntutan syarak	[2 Isi x 2 Huraian = [ 4 markah
		(iii)	<b>Tindakan yang sepatutnya anda lakukan bagi mengelakkan bencana alam</b>  Menjalankan amanah yang diberikan dengan baik /agar dapat mengurangkan kejadian yang tidak diingini berlaku/seperi mengurus alam secara terrancang / kesannya kelastarian alam akan terjaga /kesimpulannya kita mesti mentadbir alam mengikut garis panduan yang diajarkan syarak/ agar kerosakan terhadap alam terkawal  <b>Mana mana jawapan yang munasabah diterima</b>	1 Isi 1 Huraian 1 huraian lengkap 1 Huraian tambahan 1 huraian lanjut 1 kesimpulan  = [ 6 markah ]
	(b)	(i)	<b>Konsep pembalasan menurut Islam</b>  Membalas perbuatan jahat dengan hukuman yang adil seperti Qisas bagi mengelak wujudnya perasaan dendam di dalam masyarakat.	[1 Isi X 2 m = [2 Markah]
		(ii)	<b>Dua cara mengelak diri dari perbuatan jenayah</b>  1. Sentiasa mendalami ilmu gama dalam diri dengan lebih mendalam 2. Mengamalkan cara hidup Islam dalam kehidupan sehari-hari 3. Memilih kawan yang baik supaya dapat membimbing ke jalan yang diredhai  <b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</b>	[ 2 Isi X 1 m] [2 Markah]
		(iii)	<b>Dua kebaikan jika manusia mematuhi perundangan Islam</b>  1. Memantapkan keimanan kepada Allah SWT 2. Menghindar diri dari melakukan perkara yang sia-sia 3. Masyarakat hidup aman damai kerana jenayah terkawal	[2 Isi x 2 Huraian = [ 4 markah
6	(a)	(i)	<b>Pengertian kesenian menurut Islam ialah</b>  Aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti seseorang bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak	[1 Isi X 2 m] [2 Markah]
		(ii)	<b>Dua konsep kesenian menurut pandangan Islam</b>	[2 Isi x 2 Huraian = [ 4 markah

		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bertujuan untuk mengagungkan Allah SWT sebagai pencipta</li> <li>2. Selaras dengan kehendak syarak yang bersumberkan al-Quran</li> <li>3. Memenuhi tuntutan fitrah manusia yang gemarkan sesuatu yang indah</li> <li>4. Mengandungi aspek akhlak yang mulia</li> </ol>	
	(iii)	<p><b>Empat etika berhibur dalam Islam</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hiburan yang dapat meningkatkan keimanan</li> <li>2. Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak</li> <li>3. Berteraskan nilai murni/akhlak yang baik</li> <li>4. Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berhibur</li> <li>5. Sederhana tidak keterlaluan</li> </ol>	[4 Isi X 1 m] [4 Markah]
	(b)	<p><b>Empat ciri asas pentadbir dan pengurusan yang baik menurut pandangan Islam</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bersumberkan Al Quran dan Al Hadis</li> <li>2. Mengamalkan konsep syura dalam pentadbiran</li> <li>3. Melaksanakan keadilan untuk semua</li> <li>4. Mengamalkan akhlak yang baik terhadap orang bawahan</li> </ol>	[4 Isi X 1 m] = [4 Markah]
	(ii)	<p>Saya bersetuju/sokong/terima</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Merupakan syariat Islam/diajarkan oleh Nabi</li> <li>-Untuk mencari penyelesaian terbaik</li> <li>-Dalam menyelesaikan sesuatu masalah</li> <li>-Seperti mengamalkan syura</li> <li>-Dapat melahirkan kepuasan semua pihak</li> </ul>	1 Isi 1 Huraian 1 huraian lengkap 1 Huraian tambahan 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = [ 6 markah ]

#### **SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**